



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Manahij al-‘Ulum al-Islamiah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Manahij al-‘Ulum al-Islamiah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
Tingkatan 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum
SEPTEMBER 2020

Terbitan 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	2
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	5
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	6
Elemen Merentas Kurikulum	8
Pentaksiran Bilik Darjah	11
Organisasi Kandungan	15

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5

Mantiq	18
Usul al-Fiqh	23
Panel Penggubal	28
Penghargaan	29



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah dibangunkan dan digubal berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan prinsip-prinsip dalam Maqasid Syariah. Penggubalan kurikulum yang mengandungi elemen kandungan, pedagogi dan pentaksiran adalah menggunakan teori epistemologi menurut pemikiran Imam al-Ghazali. Pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terkandung dalam Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi) telah digarap dan dibangunkan secara holistik, autentik dan bersepadu. Mata pelajaran ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Dalam usaha melahirkan pelapis ulama dan cendekiawan Islam yang bersifat tauhidik dan ijtihadik, penggubalan KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah turut dilengkapi dengan pelbagai kemahiran interaksi sosial selaras dengan matlamat FPK. Manakala lima prinsip yang terkandung dalam Maqasid Syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bertujuan untuk memelihara kebajikan manusia sejagat turut dijadikan sebagai asas dalam penggubalan kurikulum.

Penggubalan Dokumen Standard Kurikulum, dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah yang menggunakan

teori pemikiran Imam al-Ghazali telah menjadikan wahyu dan akal sebagai sumber utama dalam menentukan disiplin ilmu. Gabungan antara wahyu dan akal ini melahirkan ilmu naqli dan aqli yang digarap sebagai dua bidang utama dalam disiplin ilmu KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah iaitu Mantiq dan Usul al-Fiqh.

Bagi memenuhi matlamat dan aspirasi negara serta keperluan masa kini yang bersifat holistik dan futuristik, penggubalan kurikulum juga turut memasukkan Kemahiran Abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara eksplisit dalam DSKP KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah, agar modal insan yang dihasratkan mampu memenuhi keperluan masa kini dan akan datang. Seiring dengan perkembangan tersebut, penilaian dan pentaksiran murid dilaksanakan secara holistik dan autentik dengan melihat perkembangan setiap individu murid semasa dan selepas proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Justeru, DSKP ini diharap dapat menjadi rujukan dan panduan serta digunakan sepenuhnya oleh guru dalam PdP bagi meningkatkan pemahaman, kecekapan dan penguasaan murid terhadap KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah seterusnya dapat melahirkan murid yang dihasratkan dan dapat memenuhi keperluan hidup di dunia dan akhirat.

MATLAMAT

KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah bermatlamat untuk melahirkan muslim yang alim, mukmin, muttaqin, solehin, berkemahiran yang tinggi untuk mengeluarkan pandangan dan pemikiran yang benar dalam kehidupan seharian dengan menggunakan kemampuan akal yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

OBJEKTIF

KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:


1. Memahami konsep umum ilmu mantiq dari aspek takrif, sejarah perkembangan, hukum dan kepentingan mempelajarinya untuk diamalkan secara berterusan dalam kehidupan harian.
2. Memahami dan menggunakan teori ilmu mantiq daripada pembahagian tasawurat dan tasdiqat untuk diamalkan secara berterusan dalam kehidupan harian.
3. Memahami konsep umum ilmu usul al-fiqh dari aspek takrif, sejarah perkembangan, pembahagian, dan kepentingan

mempelajarinya untuk diamalkan secara berterusan dalam kehidupan harian.

4. Memahami dan menggunakan asas-asas kaedah ilmu usul al-fiqh untuk diamalkan secara berterusan dalam kehidupan harian.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif. sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Manahij al-'Ulum al-Islamiah digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah memberi fokus kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dibekalkan dalam dua bidang seperti berikut:

1. Mantiq

Murid dibekalkan dengan konsep umum ilmu mantiq dari aspek takrif, sejarah perkembangan, hukum dan kepentingan mempelajarinya sehingga mereka berkemampuan untuk menggunakan teori-teori dalam pembahagian tasawurat dan tasdiqat yang dipelajari untuk diamalkan dalam kehidupan harian.

2. Usul al-Fiqh

Murid dibekalkan dengan konsep umum ilmu usul al-fiqh, dari aspek takrif, sejarah perkembangan, hukum dan kepentingan mempelajarinya sehingga mereka berkemampuan untuk menggunakan kaedah-kaedah ilmu usul al-fiqh yang dipelajari untuk diamalkan dalam kehidupan harian.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21

bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Manahij al-'Ulum al-Islamiah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Penyayang / Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyzoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bergantung kepada kreativiti guru merancang, mengolah serta melaksanakan pendekatan, kaedah dan teknik secara bersepadu dan sistematik. PdP yang berpusatkan murid bagi menggalakkan penglibatan yang aktif dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik.

Bagi memastikan sesuatu PdP berjaya dan mencapai objektif, guru perlu memahami dan menguasai SK, SP dan SPi dengan jelas dan tepat. Guru perlu merancang dan melaksanakan pentaksiran bagi mengesan SPi dapat dicapai oleh murid mengikut kebolehan masing-masing.

Daya kreativiti dan inovatif murid perlu dibangunkan ke tahap optimum supaya murid mampu menyumbang ke arah

pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang kreatif dan inovatif dalam proses PdP akan merangsang dan memotivasikan murid bagi meneroka bidang ilmu yang baharu, menjana idea untuk menghasilkan tugas dengan lebih kreatif, menilai kualiti hasil kerja dan mengerah pemikiran bercapah seterusnya menyerlahkan personaliti individu yang kreatif. Kreativiti ini juga akan dapat menjana idea murid dalam mengaitkan ilmu Islam dengan ilmu sains, teknologi dan kemanusiaan.

Guru Manahij al-'Ulum al-Islamiah mempunyai akauntibiliti untuk memastikan kemahiran berfikir aras tinggi berlaku dalam setiap sesi PdP Manahij al-'Ulum al-Islamiah supaya Islam dapat direalisasikan sebagai satu cara hidup.

Dalam konteks KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah pelbagai strategi PdP digunakan untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Pembelajaran secara *hands-on* dan berpusatkan murid diberi penekanan dalam proses tersebut bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Antara strategi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan

dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual adalah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan persekitaran. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada beberapa unit kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang

dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Konstruktivisme

Konstruktivisme ialah suatu kaedah pembelajaran yang menggalakkan murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan ilmu pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar dan mengamalkan sepanjang hayat.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Kemahiran inkuiri merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Murid berperanan merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran. Mereka melibatkan diri secara aktif untuk mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan dan kaji siasat. Aktiviti ini boleh dijalankan secara berasingan atau digabungkan dalam pelbagai teknik pembelajaran seperti kerja projek, simulasi, lawatan, main peranan dan kuiz.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

EMK ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - 1.1. Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - 1.2. Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - 1.3. Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - 1.4. Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.

- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlu merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan

Melalui PBD guru akan mengumpul, menganalisis dan membuat refleksi terhadap tugas dan aktiviti murid. Ia bertujuan mendapatkan maklumat tentang perkembangan seseorang murid dan memastikan murid boleh mencapai objektif yang ditetapkan dalam PdP. Semasa proses PdP, guru juga dikehendaki membuat pertimbangan profesional bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam tajuk yang dipelajari. Sekiranya murid belum menguasai, guru perlu membuat penambahbaikan terhadap PdP. Seterusnya, murid boleh meneruskan proses PdP sehingga dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.


Kepentingan PBD kepada guru adalah untuk memberi gambaran tentang perkembangan murid, menilai keberkesanan PdP, membuat penambahbaikan pengajaran dan membantu menyusun perancangan dan strategi pengajaran untuk melaksanakan tindakan susulan. Proses ini disebut sebagai “**Pentaksiran untuk Pembelajaran**” yang terdiri daripada pentaksiran formatif dan

sumatif. Manakala, kepentingan PBD kepada murid pula adalah untuk memahami tujuan mereka belajar, meningkatkan motivasi dan keyakinan diri serta memaklumkan kepada murid tentang tindakan susulan yang perlu mereka ambil bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pentaksiran ini bersifat sendiri dan lebih dikenali sebagai **“Pentaksiran sebagai Pembelajaran”**. Manakala pentaksiran yang dilakukan setelah berakhirnya satu kelompok PdP atau pentaksiran yang berlaku di akhir proses PdP dikenali sebagai **“Pentaksiran tentang Pembelajaran”**.

PBD yang berlaku dalam DSKP KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah perlu melalui SK, SP, dan SPi yang telah ditetapkan mengikut keperluan mata pelajaran. Sebelum bermulanya proses PdP, guru perlu merancang serta memilih SK dan SP yang sesuai untuk diajar. Himpunan SK dan keseluruhan SP yang berkaitan dikenali sebagai satu kelompok PdP. Proses Pentaksiran secara berterusan sama ada semasa dan selepas PdP, perlu dibuat sehingga selesai satu kelompok PdP.

Setelah selesai proses mengajar, belajar dan mentaksir, guru akan mengumpul serta merekod maklumat dan data perkembangan murid. Guru akan menilai prestasi pencapaian murid menggunakan SPi yang telah ditetapkan bagi setiap kelompok PdP. Proses pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran ini seperti di Rajah 2.

Rajah 2: Carta Alir Proses Pelaksanaan PBD bagi KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah



Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara asas.
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, tekak dan bersikap positif.
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap

penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Tahap Penguasaan KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah digunakan untuk melaporkan tahap penguasaan akhir murid bagi keseluruhan kelompok dalam setiap tema yang terdapat dalam DSKP. Melalui dapatan data perkembangan murid dari SPi, guru akan membuat pertimbangan profesional terhadap tahap penguasaan keseluruhan murid menggunakan tahap penguasaan KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah yang telah ditetapkan. Tahap penguasaan dalam KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah disusun mengikut kebolehan dan keupayaan murid dalam menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penyataan Umum Tahap Penguasaan KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah

TAHAP PENGUSAAN	TAFSIRAN
1 (Ilmu)	Boleh menyatakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam setiap kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.

TAHAP PENGUSAAN	TAFSIRAN
2 (Amali)	Boleh menerangkan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik dalam kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
3 (Amalan)	Boleh menjelaskan dan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing dalam kehidupan atau situasi tertentu.
4 (Iltizam)	Berkebolehan menghurai dan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari secara bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab melaksanakannya dalam kehidupan atau pelbagai situasi.
5 (Penghayatan)	Berkebolehan memberikan justifikasi, menilai kepentingan dan istiqamah terhadap amalan yang dilakukan berdasarkan pengetahuan, kemahiran serta nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam kehidupan atau pelbagai situasi.
6 (Pentabiatan)	Berkebolehan merumuskan pengetahuan, dan mengaplikasikan kemahiran serta nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkah laku dan mempamerkan ciri-ciri kepimpinan yang boleh dicontohi atau membimbing orang lain.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah berstatus Elektif Dini ditawarkan kepada semua murid Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh Malaysia. Disiplin ilmu yang terkandung dalam KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah menggarap persoalan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disampaikan melalui dua bidang ilmu iaitu Mantiq dan Usul al-Fiqh. Pelaksanaan mata pelajaran ini tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 09/2016 yang berkuatkuasa sekarang. Peruntukan minimum jam setahun bagi KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah ialah 48 jam.


SK dibina dengan meletakkan kata kerja tindakan yang menunjukkan capaian paling tinggi boleh dicapai dalam sesuatu kandungan mengikut keupayaan dan kebolehan murid. Pernyataan dan kata kerja spesifik dalam SK juga turut menentukan kedalaman kandungan yang akan disampaikan kepada murid.

Manakala pernyataan dalam SP pula dibina dan disusun mengikut hierarki kurikulum bagi satu-satu kandungan. Ia turut dipengaruhi oleh kata kerja tindakan yang ditulis secara eksplisit dalam SP.

Guru perlu merujuk SP untuk melaksanakan PdP dan memikirkan kemahiran yang sesuai dibekalkan kepada murid supaya mereka dapat mencapai standard yang ditetapkan dalam SK. Guru perlu membina objektif PdP sesuai dengan keupayaan murid dan keperluan PdP pada hari tersebut mengikut pernyataan SP dalam setiap kelompok. Kadang-kadang satu SP mengandungi lebih daripada satu objektif pembelajaran dalam setiap sesi PdP.

SPi merupakan satu pernyataan standard yang dibina merujuk kepada pernyataan yang terkandung di dalam SK. Melalui SPi juga tahap penguasaan murid bagi satu kelompok PdP dapat ditentukan. Ia digunakan untuk melihat perkembangan dan perubahan tingkah laku murid setelah berlangsungnya interaksi antara guru dan murid dalam satu sesi PdP.

Kata kerja tindakan yang menunjukkan KBAT digunakan dalam penulisan SK, SP dan SPi, manakala kemahiran menaakul juga turut diterjemahkan secara eksplisit dalam dokumen KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah. Semua perkara tersebut mempengaruhi penulisan DSKP dan penyusunan organisasi kandungan Manahij al-'Ulum al-Islamiah seperti yang digambarkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Organisasi Kandungan KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah

Organisasi DSKP KSSM Manahij al-'Ulum al-Islamiah disusun mengikut lajur yang terdiri daripada SK, SP dan SPi yang perlu disampaikan kepada murid dan ditaksir dalam proses PdP. Tafsiran SK, SP dan SPi dalam DSKP ini berdasarkan pecahan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam satu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Satu set kriteria yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.

1 المنطق

معايير الإنجازات		مستويات	معايير التعلم	معايير المحتوى
التفاصيل				
ذكر القضية الحملية.	1	1.1.1 ذكر تعريف القضية.	1.1 استخدام القضية	
بيان القضية الحملية بياناً صحيحاً.	2	1.1.2 بيان تعريف القضية الحملية مع الأمثلة.	1.1.2 العملية استخداماً صحيحاً.	
تطبيق القضية الحملية في جمل مفيدة تطبيقاً صحيحاً.	3	1.1.3 شرح أقسام القضية الحملية وأجزائها.	1.1.3	
تحليل القضية الحملية وتطبيقها في جمل مفيدة تحليلاً صحيحاً.	4	1.1.4 توضيح أسوار القضية الحملية.	1.1.4	
تقييم القضية الحملية تقيماً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	5	1.1.5 استنتاج القضية الحملية مع تصنيفها.	1.1.5	
استنتاج القضية الحملية استنتاجاً صحيحاً وتطبيقها وملازمتها ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6			

معياري الإنجازات		معياري التعلّم	معياري المحتوي
التفاصيل	المستويات		
ذكر القضية الشرطية المتصلة.	1	1.2.1 ذكر تعريف القضية الشرطية مع الأمثلة.	1.2 استخدام القضية الشرطية المتصلة
بيان القضية الشرطية المتصلة بياناً صحيحاً.	2	1.2.2 بيان تعريف القضية الشرطية المتصلة مع الأمثلة.	استخداماً صحيحاً.
تطبيق القضية الشرطية المتصلة في جمل مفيدة تطبيقاً صحيحاً.	3	1.2.3 شرح أقسام القضية الشرطية المتصلة وأجزائها.	
تحليل القضية الشرطية المتصلة وتطبيقها في جمل مفيدة تحليلاً صحيحاً.	4	1.2.4 توضيح أسوار القضية الشرطية المتصلة.	
تقييم القضية الشرطية المتصلة تقييماً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	5	1.2.5 استنتاج القضية الشرطية المتصلة مع تصنيفها.	
استنتاج القضية الشرطية المتصلة استنتاجاً صحيحاً وتطبيقها وملازمتها ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معياري الإنجازات		معياري التعلم	معياري المحتوى
التفاصيل	المستويات		
ذكر التناقض.	1	1.3.1 بيان تعريف التناقض مع الأمثلة.	1.3 استخدام التناقض استخداماً صحيحاً.
بيان التناقض بياناً صحيحاً.	2	1.3.2 بيان شروط التناقض. 1.3.3 بيان أحكام التناقض.	
تطبيق التناقض في جمل مفيدة تطبيقاً صحيحاً.	3	1.3.4 تحليل كفيات التناقض من حيث أحكامه.	
تحليل التناقض وتطبيقه في جمل مفيدة تحليلاً صحيحاً.	4		
تقييم التناقض تقييماً صحيحاً وملازمته في الحياة.	5		
استنتاج التناقض استنتاجاً صحيحاً وتطبيقه وملازمته ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معياري الإنجازات		معياري التعلّم	معياري المحتوي
التفاصيل	المستويات		
ذكر العكس المستوي.	1	1.4.1 بيان تعريف العكس المستوي مع الأمثلة.	1.4 استخدام العكس المستوي استخداماً صحيحاً.
بيان العكس المستوي بياناً صحيحاً.	2	1.4.2 بيان ما لا ينعكس من القضايا. 1.4.3 بيان ما ينعكس من القضايا وأحكامها.	
تطبيق العكس المستوي في جمل مفيدة تطبيقاً صحيحاً.	3	1.4.4 تصميم العكس المستوي على حسب القضايا المطلوبة.	
تحليل العكس المستوي وتطبيقه في جمل مفيدة تحليلاً صحيحاً.	4		
تقييم العكس المستوي تقييماً صحيحاً وملازمته في الحياة.	5		
استنتاج العكس المستوي استنتاجاً صحيحاً وتطبيقه وملازمته ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معياري الإنجازات		معياري التعلم	معياري المحتوي
التفاصيل	المستويات		
ذكر القياس.	1	1.5.1 بيان تعريف القياس مع الأمثلة. 1.5.2 شرح أجزاء القياس وحدوده.	1.5 استخدام القياس استخداماً صحيحاً.
بيان القياس بياناً صحيحاً.	2	1.5.3 توضيح الشكل والضرب في القياس.	
تطبيق القياس في جمل مفيدة تطبيقاً صحيحاً.	3	1.5.4 توضيح الشكل الأول والشكل الثاني.	
تحليل القياس وتطبيقه في جمل مفيدة تحليلاً صحيحاً.	4	1.5.5 استنتاج من ضروب الشكل الأول والشكل الثاني استنتاجاً صحيحاً.	
تقييم القياس تقييماً صحيحاً وملازمته في الحياة.	5		
استنتاج القياس استنتاجاً صحيحاً وتطبيقه وملازمته ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

2.0 أصول الفقه

معياري الإنجازات		معياري التعلم	معياري المحتوى
التفاصيل	المستويات		
ذكر الأدلة المختلف فيها.	1	2.1.1 ذكر المراد من الأدلة المختلف فيها.	2.1 تطبيق الأدلة المختلف فيها (المصادر التبعية للأحكام) في الحياة اليومية تطبيقاً صحيحاً.
بيان الأدلة المختلف فيها بياناً صحيحاً.	2	2.1.2 شرح الأدلة المختلف فيها من حيث التعريف والأمثلة والحجية.	
تطبيق الأدلة المختلف فيها تطبيقاً صحيحاً.	3	2.1.3 تعيين الأدلة المستنبطة من الأدلة المختلف فيها في الأعمال اليومية.	
تحليل الأدلة المختلف فيها تحليلاً صحيحاً وملازمتها.	4		
تقييم الأدلة المختلف فيها تقييماً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	5		
استنتاج الأدلة المختلف فيها استنتاجاً صحيحاً وملازمتها ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معياري الإنجازات		معياري التعلم	معياري المحتوى
التفاصيل	المستويات		
ذكر النسخ.	1	2.2.1 ذكر تعريف النسخ. 2.2.2 ذكر أنواع النسخ وأمئالها. 2.2.3 بيان وجوه النسخ وأمئالها. 2.2.4 شرح شروط النسخ. 2.2.5 توضيح حكمة النسخ بحسب الواقع.	2.2 تحليل النسخ تحليلاً صحيحاً.
بيان النسخ بياناً صحيحاً.	2		
تطبيق النسخ تطبيقاً صحيحاً.	3		
تحليل النسخ تحليلاً صحيحاً وملازمته.	4		
تقييم النسخ تقييماً صحيحاً وملازمته في الحياة.	5		
استنتاج النسخ استنتاجاً صحيحاً وملازمته ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معيار الإنجازات		معيار التعلم	معيار المحتوى
التفاصيل	المستويات		
ذكر الاجتهاد والتقليد.	1	2.3.1 ذكر تعريف الاجتهاد والمُجْتَهِد والتقليد والمُتَقَلِّد.	2.3 تحليل الاجتهاد والتقليد تحليلاً صحيحاً.
بيان الاجتهاد والتقليد بياناً صحيحاً.	2	2.3.2 ذكر شروط المجتهد. 2.3.3 بيان مراتب المجتهدين.	
تطبيق الاجتهاد والتقليد تطبيقاً صحيحاً.	3	2.3.4 بيان حكم التقليد ومسؤوليته. 2.3.5 توضيح الأمثلة للاجتهاد في عصرنا اليوم من قِبَلِ الْجِهَاتِ المختصة المعترفة.	
تحليل الاجتهاد والتقليد تحليلاً صحيحاً وملازمتها.	4		
تقييم الاجتهاد والتقليد تقييماً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	5		
استنتاج الاجتهاد والتقليد استنتاجاً صحيحاً وملازمتها ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

معياري الإنجازات		معياري التعلم	معياري المحتوى
التفاصيل	المستويات		
ذكر مقاصد الشريعة الإسلامية.	1	2.4.1 ذكر تعريف مقاصد الشريعة الإسلامية.	2.4 استفادة مقاصد الشريعة الإسلامية
بيان مقاصد الشريعة الإسلامية بياناً صحيحاً.	2	2.4.2 بيان أقسام مقاصد الشريعة الإسلامية وأمثالها.	استفادةً صحيحةً.
تطبيق مقاصد الشريعة الإسلامية تطبيقاً صحيحاً.	3	2.4.3 تطبيق الضروريات الخمس في الحياة اليومية.	
تحليل مقاصد الشريعة الإسلامية تحليلاً صحيحاً وملازمته.	4		
تقييم مقاصد الشريعة الإسلامية تقييماً صحيحاً وملازمته في الحياة.	5		
استفادة مقاصد الشريعة الإسلامية استفادةً صحيحاً وملازمته ويكون الطالب قدوةً أو مرشداً للغير.	6		

PANEL PENGGUBAL

- | | |
|---------------------------------|--|
| 1. Mohamed Zaki bin Abd Ghani | Bahagian Pendidikan Islam. |
| 2. Muhammad Kamil bin Ali | Bahagian Pendidikan Islam. |
| 3. Mohd Najib Bin Siam | SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Selangor. |
| 4. Azarina Binti Karim | SAM Hulu Langat, Selangor. |
| 5. Siti Zakiah Binti Sibadar | SAM Unwanus Saadah, Selangor. |
| 6. Anuar bin Zakaria | SAM Sungai Haji Dorani, Selangor. |
| 7. Khairul Ashraf bin Mohd Khir | SABK Maahad al-Tarbiah al-Islamiah, Perak. |
| 8. Zulkhairil bin Zakaria | SMA al-Hasanah, Pahang. |
| 9. Samjan bin Ahmad | SM Maahad Pontian, Johor. |

PENGHARGAAN**Penasihat**

Dr. Mohamed bin Abu Bakar	Pengarah
Mazlan bin Shamsudin	Timbalan Pengarah Dasar dan Sains dan Teknologi

Penasihat Editorial

Mohamed Zaki bin Abd Ghani	Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	Ketua Sektor
Mahyudin bin Ahmad	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	Ketua Sektor
Fazlinah binti Said	Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	Ketua Sektor
Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus	Ketua Sektor
Paizah binti Zakaria	Ketua Sektor
Norashikin binti Hashim	Ketua Sektor

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Nur Fadia binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917

<http://bpk.moe.gov.my>